

**Tiada sebab untuk tolak BN pada PRU-13**  
**Utusan Online**  
**10 Mac, 2012**

KUALA PILAH 9 Mac - Rakyat tiada sebab untuk tidak memilih Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 kerana sejak 54 tahun lalu kerajaan inilah yang telah terbukti membela dan mensejahterakan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan BN telah membina banyak kejayaan dan kemajuan, hasil kerjasama yang baik antara rakyat dan pemimpin selain direstui oleh Allah SWT.

"Saya percaya ketika ini penting untuk kita sama-sama merenung sejenak mengapa kita memilih sesebuah kerajaan itu atau parti pada pilihan raya akan datang.

"Pada masa sama kita harus menilai adakah parti dan kerajaan yang dipilih itu kelak mampu memikul amanah, menjaga masyarakat, agama, bangsa dan negara," katanya di Johol, dekat sini.

Muhyiddin seterusnya bertanya apakah dalam tempoh 54 tahun lampau, kerajaan sedia ada ini sudah gagal dan kalau sudah berjaya, apa pula kejayaan itu sudah dinikmati oleh rakyat?

"Sebab itulah rakyat perlu menyokong dasar kerajaan dan memberi peluang untuk BN meneruskan legasi mensejahterakan rakyat untuk tempoh 54 tahun yang akan datang," ujar Muhyiddin.

Pada sidang akhbar kemudiannya, Muhyiddin berkata, sebagai sebuah kerajaan bertanggungjawab, BN sentiasa komited memperbaiki setiap kelemahan yang berlaku demi kesejahteraan rakyat.

Menurutnya, tidak dinafikan dalam pentadbiran sesebuah kerajaan, kelemahan serta kesilapan sedikit sebanyak boleh berlaku tetapi BN yang selama ini telah menjadi payung kepada rakyat negara buat sekian lama tidak akan membiarkan perkara seumpama itu terus berlarutan.

Ujar beliau, atas sebab itu, BN di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengambil inisiatif mewujudkan program transformasi dalam pelbagai bidang yang kesemuanya berasaskan kepada denyut nadi rakyat.

"Kita sedar semasa BN mentadbir negara ini lebih lima dekad lalu, ada beberapa kelemahan yang saya yakin boleh diperbaiki. Perdana Menteri sendiri telah mengorak langkah memperbaiki keadaan ini dengan memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Politik (PTP). Tujuannya satu iaitu untuk mensejahterakan hidup rakyat," ujarnya.

Pada majlis tersebut Muhyiddin mengumumkan peruntukan sebanyak RM550,000 untuk menaik taraf bangunan sekolah tersebut.

Beliau turut memaklumkan peruntukan sebanyak RM100,000 (membina kelas tambahan Sekolah Kebangsaan Dato' Inas); RM1.5 juta (membina Masjid Baru Gentam, Kuala Pilah); RM320,000 (menaik taraf masjid, selenggara jalan dan membina surau dalam kawasan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Ulu Inas, Johol).

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0310&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0310&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm)